**JABATAN HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA MALAYSIA**
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

# GARIS PANDUAN

# PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS)

# TAHUN 2026

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi keterangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan kepada pihak-pihak yang ingin memohon peruntukan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) bagi tahun 2026.

## 2.0 KLUSTER

i. **Melaksanakan Latihan dan Program Pendidikan** berbentuk penganjuran kursus, bengkel, seminar, konvensyen dan program-program lain yang berkaitan untuk mempromosi kesatuan;

ii. **Menjalankan Kajian** berkaitan pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia;

iii. **Pembelian Perkakasan komputer;** dan

iv. **Pendigitalan Rekod Pengurusan Kesatuan Sekerja**.

## 3.0 TARIKH PELAKSANAAN PROGRAM

Setelah permohonan diluluskan, pemohon hendaklah melaksanakan program sebelum atau pada **31 Disember 2026 (Khamis).**

## 4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN KELULUSAN

Syarat-syarat am telah ditetapkan untuk memastikan kelancaran pengagihan peruntukan. Syarat tambahan juga ditetapkan bagi setiap kluster permohonan dan perlu dipatuhi oleh semua pemohon.

### 4.1 Syarat-Syarat Am Permohonan dan Kelulusan PHEKS

i. Pemohon mestilah sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 (AKS 1959);

ii. Permohonan ini terbuka kepada semua kesatuan sekerja induk dan cawangan;

iii. Mengemukakan permohonan menggunakan borang PHEKS 1/ 2026 yang boleh dimuat turun di laman web jheks.mohr.gov.my;

iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada JHEKS Negeri masing-masing di mana kesatuan sekerja tersebut berada **melalui emel sahaja**.

v. Permohonan yang dikemukakan secara **fizikal** kepada JHEKS Negeri/ Ibu Pejabat **tidak akan diproses** untuk sebarang kelulusan. Senarai emel JHEKS Negeri adalah di **Lampiran A;**

vi. Kesatuan sekerja boleh mengemukakan lebih daripada satu (1) permohonan bagi mana-mana kluster dan setiap permohonan hendaklah menggunakan borang yang berasingan;

vii. JHEKS Negeri boleh memberi keutamaan kepada kesatuan sekerja yang telah:

a) mengemukakan Penyata Tahunan (Borang N) terkini kepada JHEKS Negeri;

b) mengemukakan Notis Pemilihan/ Perubahan (Borang LU/ L) terkini kepada JHEKS Negeri;

c) mengadakan Mesyuarat Agung/ Persidangan Perwakilan terkini.

viii. Kesatuan sekerja yang **GAGAL** mengemukakan laporan pelaksanaan aktiviti mengikut kelulusan PHEKS Tahun 2025 tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan;

ix. Pemohon yang berjaya hendaklah menandatangani Surat Setuju Terima Tawaran **dalam tempoh 30 hari** daripada tarikh surat tawaran;

x. Agihan peruntukan adalah bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa Panel Pelulus/ Penilai;

xi. Sekiranya terdapat sebarang kos tambahan pelaksanaan bagi mana-mana kluster PHEKS hendaklah ditanggung oleh kesatuan sekerja itu sendiri. **Satu surat perakuan penanggungan kos tambahan** perlu diisi dan dikembalikan oleh kesatuan sekerja yang permohonannya diluluskan;

xii. Tarikh tutup permohonan adalah pada **3 Mac 2026 (Selasa)** dan boleh dilanjutkan kepada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal PHEKS;

xiii. Keputusan kelulusan permohonan adalah muktamad;

xiv. **Bagi permohonan yang tidak berjaya**, tiada sebarang surat makluman akan dikeluarkan oleh JHEKS;

xv. **Pemohon** yang berjaya hendaklah mempunyai akaun bank atas nama kesatuan sekerja induk/ cawangan dan berdaftar dengan sistem e-Vendor (MOF) [dengan kod pembekal bermula dengan digit (6)]. Bagi kesatuan sekerja yang pernah mendaftar, kod pembekal sedia ada boleh digunakan. Bagi yang belum mendaftar, borang pendaftaran bagi mewujudkan kod pembekal (e-Vendor) tersebut akan dikemukakan bersama surat tawaran; dan

xvi. **Pembayaran** akan dibuat melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) kepada penerima PHEKS setelah semua prosedur di atas dipatuhi.

**4.2 Syarat-syarat Tambahan Permohonan dan Kelulusan PHEKS mengikut kluster adalah seperti berikut:**

**(a) Latihan dan Program Pendidikan (Kursus/ Bengkel/ Seminar/ Konvensyen dan lain-lain)**

i. Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat am di para 4.1 (i) hingga (vii);

ii. Latihan dan Program Pendidikan perlu diadakan di Malaysia;

iii. Penglibatan peserta latihan/ kursus/ seminar/ konvensyen hendaklah **melebihi 20 orang** yang terdiri daripada anggota atau bukan anggota kesatuan sekerja. Ini kerana peruntukan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada jumlah penglibatan peserta;

iv. Program yang dicadangkan hendaklah boleh memberi faedah dan manfaat kepada anggota kesatuan termasuk jawatankuasa tempatan (*site committee)*;

v. Salah satu ceramah dalam pengisian program yang perlu difokuskan adalah mengenai **perundangan perburuhan dan peningkatan kemahiran kesatuan sekerja di Malaysia**;

vi. Kesatuan sekerja **tidak dibenarkan untuk melantik pihak *training provider/* pihak konsultan/ pihak ketiga** bagi menjalankan latihan dan pendidikan;

vii. Kesatuan sekerja **digalakkan** untuk memperuntukkan **satu slot ceramah bagi Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja;**

viii. Kesatuan Sekerja juga digalakkan memperuntukkan slot ceramah bagi jabatan/ agensi di bawah KSM seperti Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPPM), Mahkamah Perusahaan (MP), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDCorp) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH);

ix. Laporan pelaksanaan program seperti format yang disediakan bersama resit asal dan gambar hendaklah dikemukakan ke JHEKS Negeri sebelum tarikh akhir mengemukakan laporan pelaksanaan **(31 Disember 2026);**

x. Bilangan peserta bagi Kluster Latihan & Program Pendidikan hendaklah selaras dengan kertas cadangan yang dikemukakan iaitu tidak kurang daripada 20 orang dan jumlah peruntukan yang diterima hendaklah dibelanjakan sepenuhnya; dan

xi. Sekiranya perkara di para 4.2 (a)(ix) tidak dipatuhi, kesatuan sekerja hendaklah mengemukakan penjelasan bertulis kepada Pejabat JHEKS Negeri. Kegagalan kesatuan sekerja mengemukakan sebarang alasan akan menyebabkan permohonan PHEKS kesatuan sekerja tersebut akan **ditolak untuk satu tahun berikutnya**.

**(b) Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja**

i. Kesatuan sekerja hendaklah mematuhi syarat-syarat am di para 4.1 (i) hingga (vii);

ii. Kajian hendaklah berkaitan dengan kesatuan sekerja di Malaysia atau perbandingan dengan negara luar;

iii. Kaedah pengumpulan data bagi kajian hendaklah menggunakan kaedah *mixed method* iaitu secara kualitatif dan kuantitatif;

iv. Permohonan hendaklah disertakan bersama terma rujukan/ kertas cadangan kajian. Urus setia PHEKS (Ibu Pejabat/ Negeri) berhak memanggil pemohon/ penerima PHEKS untuk membentangkan cadangan idea/ kemajuan kajian tersebut dari semasa ke semasa;

v. Pelaksanaan kajian boleh diadakan secara kolaborasi dengan Universiti Awam atau Universiti Swasta;

vi. Mengemukakan **laporan status pelaksanaan kajian** kepada JHEKS Negeri sebanyak tiga (3) peringkat iaitu:

a) Peringkat Pertama (laporan awal): 30% pelaksanaan;
b) Peringkat Kedua (laporan interim): 60% pelaksanaan; dan
c) Peringkat Ketiga (laporan akhir): 90% pelaksanaan (sebelum cetakan buku kajian).

vii. Mengemukakan hasil kajian kepada JHEKS Ibu Pejabat **sebelum atau pada 31 Disember 2026** dalam;

a) bentuk *softcopy dan emel kepada* jheksbpdhq@mohr.gov.my
b) bentuk *hardcopy* sekurang-kurangnya 200 naskah; dan
c) ringkasan kajian dalam bentuk infografik.

viii. Sebarang permohonan bagi penangguhan penyediaan kajian hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah JHEKS dalam tempoh 30 hari sebelum 31 Disember 2026. Penangguhan yang diberikan adalah berdasarkan kepada budi bicara dan pertimbangan Ketua Pengarah JHEKS.

ix. Jika kebenaran penangguhan penyediaan kajian tersebut diberikan, Ketua Pengarah JHEKS boleh melanjutkannya sehingga **28 Februari 2027**. Kegagalan kesatuan sekerja mengemukakan hasil kajian dalam tempoh pelanjutan akan menyebabkan permohonan PHEKS kesatuan sekerja tersebut akan ditolak untuk satu tahun berikutnya;

x. Jumlah peruntukan yang diterima hendaklah dibelanjakan sepenuhnya; dan

xi. Sekiranya perkara di para 4.2 (b)(x) tidak dipatuhi, kesatuan sekerja hendaklah mengemukakan penjelasan bertulis kepada Pejabat JHEKS Negeri. Kegagalan kesatuan sekerja mengemukakan sebarang alasan akan menyebabkan permohonan PHEKS kesatuan sekerja tersebut akan **ditolak untuk satu tahun berikutnya.**

**(c) Pembelian Perkakasan Komputer**

i. Kesatuan sekerja hendaklah mematuhi syarat-syarat am di para 4.1 (i) hingga (vii);

ii. Pembelian perkakasan komputer adalah **merangkumi set komputer iaitu komputer meja/ komputer riba, mesin pencetak (*printer*), mesin pengimbas (*scanner*) DAN *external hard disc drive* SAHAJA**;

iii. Pembelian perkakasan komputer hendaklah disertakan dengan satu (1) sebutharga yang menyenaraikan butiran spesifikasi peralatan seperti di para 5.4.2 (d) (ii);

iv. Cadangan pembelian perkakasan komputer **selain set komputer adalah tidak dibenarkan**;

v. Pembelian perkakasan komputer hendaklah didaftarkan dan direkod sebagai aset kesatuan sekerja;

vi. Laporan pembelian perkakasan komputer adalah seperti format yang disediakan bersama resit asal dan gambar hendaklah dikemukakan ke JHEKS Negeri sebelum tarikh akhir mengemukakan laporan pelaksanaan **(31 Disember 2026);**

vii. Jumlah peruntukan yang diterima hendaklah dibelanjakan sepenuhnya; dan

viii. Sekiranya perkara di para 4.2 (d)(vi) tidak dipatuhi, kesatuan sekerja hendaklah mengemukakan penjelasan bertulis kepada Pejabat JHEKS Negeri. Kegagalan kesatuan sekerja mengemukakan sebarang alasan akan menyebabkan permohonan PHEKS kesatuan sekerja tersebut akan **ditolak untuk satu tahun berikutnya**.

**(d) Pendigitalan Rekod Pengurusan Kesatuan Sekerja**

i. Kesatuan sekerja telah mematuhi syarat-syarat am di para 4.1 (i) hingga (vii);

ii. Permohonan kluster ini adalah terbuka kepada kesatuan sekerja induk yang mempunyai keanggotaan **melebihi 300 orang anggota berhak** sahaja;

iii. Permohonan kluster ini hanya terbuka untuk pembangunan sistem baharu (*new development*). **Penambahbaikan sistem sedia ada (*revamp/ redevelopment*) tidak dibenarkan**;

iv. Bagi membangunkan sistem ini, kesatuan sekerja dikehendaki melantik vendor/ syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pembangunan sistem;

v. Pembangunan sistem ini **tidak boleh** dilakukan secara dalaman (*in-house*) bagi mengelakkan kepentingan peribadi dan ketirisan;

vi. Cadangan modul yang boleh dibangunkan adalah berkaitan **Modul Pendaftaran Keanggotaan Secara Digital**;

vii. Ciri-ciri yang perlu ada dalam sistem adalah permohonan menjadi anggota kesatuan, kelulusan pendaftaran keanggotaan baharu, semakan keanggotaan, carian keanggotaan, kemaskini maklumat anggota, pemantauan pembayaran yuran anggota, penjanaan laporan dan pangkalan data;

viii. Pembangunan modul yang dicadangkan tersebut hendaklah mematuhi kehendak Buku Peraturan Kesatuan Sekerja masing-masing, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 (PPKS 1959) dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (AKS 1959);

ix. Cadangan pembangunan pendigitalan ini hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut: -

a) Satu (1) kertas cadangan berkaitan *keperluan pembangunan sistem* yang mengandungi keperluan fungsian (*functional requirement*) yang mengandungi ciri-ciri utama dalam sistem dan keperluan bukan fungsian merangkumi aspek prestasi keselamatan dan pengalaman pengguna.

Selain itu, pemohonan juga hendaklah mengemukakan *User Requirement Specifications* (URS) yang memperincikan keperluan pengguna dan *story board* (lakaran *user interface*) terhadap sistem yang hendak dibangunkan;

b) Sebutharga yang menyenaraikan butiran spesifikasi pembangunan sistem secara terperinci termasuk kos pembangunan, kos penyelenggaraan bagi tahun pertama, kos penyimpanan data bagi tahun pertama dan latihan kepada pengguna;

c) Dokumen *timeline service* – jadual kerja yang menunjukkan permulaan sistem sehingga ianya boleh digunakan; dan

d) Draf awal kontrak perjanjian di antara kesatuan sekerja dengan pembekal/ *vendor*.

x. Urus setia PHEKS (Ibu Pejabat/ Negeri) berhak memanggil pemohon/ penerima PHEKS untuk membentangkan cadangan idea/ kemajuan pembangunan sistem tersebut dari semasa ke semasa;

xi. Kelulusan permohonan ini adalah seperti berikut:-

a) Kos pembangunan;
b) Kos penyelenggaraan;
c) Kos penyimpanan data; dan
d) Latihan kepada pengguna.

Kos-kos ini adalah bagi tahun pertama sahaja. Bagi tahun seterusnya, kos-kos tersebut perlu ditanggung sepenuhnya oleh kesatuan sekerja;

xii. Kesatuan sekerja bertanggungjawab memastikan pembangunan sistem ini dilaksanakan dengan sempurna dalam tempoh masa yang dipersetujui sepertimana yang terkandung dalam kontrak perjanjian;

xiii. Mengemukakan **laporan status pelaksanaan sistem** kepada JHEKS Negeri sebanyak tiga (3) peringkat iaitu:

a) Peringkat Pertama: 30% pelaksanaan;
b) Peringkat Kedua: 30% pelaksanaan; dan
c) Peringkat Ketiga: 40% pelaksanaan (sistem boleh digunakan);

xiv. Sebarang kelewatan pembangunan sistem yang melepasi 31 Disember 2026 tidak akan dipertimbangkan;

xv. Laporan pembangunan sistem adalah seperti format yang disediakan bersama resit asal dan bukti dokumentasi bahawa sistem telah boleh digunakan hendaklah dikemukakan ke JHEKS Negeri sebelum tarikh akhir mengemukakan laporan pelaksanaan 31 Disember 2026;

xvi. Jumlah peruntukan yang diterima hendaklah dibelanjakan sepenuhnya; dan

xvii. Sekiranya perkara di para 4.2 (e)(xvi) tidak dipatuhi, kesatuan sekerja hendaklah mengemukakan penjelasan bertulis kepada Pejabat JHEKS Negeri. Kegagalan kesatuan sekerja mengemukakan sebarang alasan akan menyebabkan permohonan PHEKS kesatuan sekerja tersebut akan **ditolak untuk satu tahun berikutnya**.

## 5. FORMAT LAPORAN

### KLUSTER LATIHAN DAN PENDIDIKAN

### (KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / KONVENSYEN DAN LAIN-LAIN)

NAMA KESATUAN: ……

a. Nama Program:

b. Jumlah Geran Yang Diluluskan (RM):

c. Tarikh & Masa:

d. Tempat:

e. Bilangan Peserta:

f. Aturcara Program:

g. Maklumat Tetamu Kehormat Yang Merasmikan Program:

h. Maklumat Penceramah:

i. Jawatankuasa Pelaksana:

j. Penerangan Ringkas Berkenaan Program Yang Dijalankan:

k. Laporan Kewangan (Lampirkan Resit dan Maklumat-maklumat Lain):

l. Gambar Sepanjang Program:

m. Penghargaan:

n. Penutup:

## KLUSTER KAJIAN PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA DI MALAYSIA

NAMA KESATUAN: ……

1. Jawatankuasa Pelaksana:
2. Jumlah Geran Yang Diluluskan (RM):
3. Penerangan ringkas berkenaan kajian yang telah dijalankan:
4. Laporan kewangan (lampirkan Resit dan Maklumat-maklumat Lain):
5. Mengemukakan laporan status pelaksanaan kajian kepada JHEKS Negeri sebanyak tiga (3) peringkat iaitu:
   a) Peringkat Pertama: 30% pelaksanaan;
   b) Peringkat Kedua: 60% pelaksanaan; dan
   c) Peringkat Ketiga: 90% pelaksanaan (sebelum cetakan buku kajian);
6. Mengemukakan hasil kajian kepada JHEKS Ibu Pejabat sebelum atau pada 31 Disember 2026 dalam;
   a) bentuk *softcopy* dan emel kepada (jheksbpdhq@mohr.gov.my);
   b) bentuk *hardcopy* sekurang-kurangnya 200 naskah; dan
   c) ringkasan penulisan ilmiah dalam bentuk infografik;

## KLUSTER PEMBELIAN PERKAKASAN KOMPUTER

NAMA KESATUAN:……

1. Jawatankuasa Pelaksana;
2. Jumlah Geran Yang Diluluskan (RM);
3. Penerangan ringkas berkenaan pembelian peralatan teknologi maklumat yang telah dibuat;
4. Laporan kewangan (lampirkan resit dan lain-lain maklumat);
5. Salinan Daftar Harta (AP 2); dan
6. Gambar.

## KLUSTER PENDIGITALAN REKOD PENGURUSAN KESATUAN SEKERJA

NAMA KESATUAN:……

1. Mengemukakan laporan status pelaksanaan sistem kepada JHEKS Negeri sebanyak tiga (3) peringkat iaitu:
   a) Peringkat Pertama: 30% pelaksanaan;
   b) Peringkat Kedua: 60% pelaksanaan; dan
   c) Peringkat Ketiga: 90% pelaksanaan (sebelum latihan diberikan kepada pengguna;

2. Mengemukakan laporan akhir pembangunan sistem kepada JHEKS Negeri.
   a. Jawatankuasa Pelaksana:
   b. Jumlah Geran Yang Diluluskan (RM):
   c. Penerangan ringkas berkenaan sistem yang telah dibangunkan. Di antara butiran penerangan yang perlu diterangkan adalah berkenaan: -
      (i) manual pengguna bergambar; dan
      (ii) link capaian.

3. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan setelah sistem boleh digunakan. Di antara dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:-
   (i) Kontrak perjanjian yang telah ditandatangani;
   (ii) Sebutharga akhir yang telah dipersetujui;
   (iii) Laporan lengkap pembangunan sistem (sebelum, semasa dan selepas pembangunan sistem selesai sepenuhnya);
   (iv) Resit asal pembayaran kepada pembekal/ *vendor*; dan
   (v) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

**Disediakan oleh:**

Urus Setia PHEKS Tahun 2026

Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja

## LAMPIRAN A

| Bil. | Nama JHEKS Negeri | Alamat Emel |
|---|---|---|
| 1. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Selangor & W. Persekutuan | jhekssgor@mohr.gov.my |
| 2. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Melaka & Negeri Sembilan | jheksmlk@mohr.gov.my |
| 3. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Perak | jhekspprk@mohr.gov.my |
| 4. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Johor | jheksjhr@mohr.gov.my |
| 5. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Terengganu & Kelantan | jhekstrg@mohr.gov.my |
| 6. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Pahang | jhekspphg@mohr.gov.my |
| 7. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Pulau Pinang, Kedah & Perlis | jhekspp@mohr.gov.my |
| 8. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sabah | jhekssbh@mohr.gov.my |
| 9. | Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sarawak | jhekssswk@mohr.gov.my |